

Perbincangan isu tarif dengan AS berjalan amat baik

BERITA HARIAN

20 JUN 2025

m/s: 3

Kuala Lumpur: Perbincangan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) berhubung tarif timbal balas yang dikenakan negara itu berjalan dengan amat baik setakat ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dimaklumkan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, yang sedang berada di AS bagi rundingan berhubung isu tarif berkenaan, pagi semalam.

“Perbincangan dengan Setiausaha Perdagangan dan wakil AS berlangsung cemerlang. Kita sering menekankan mengenai bukan saja (kadar tarif) yang adil bagi Malaysia tetapi kita sering kemukakan kes bagi ASEAN.

“Saya menggesa rakan dalam ASEAN untuk berbuat demikian, mengemukakan mengenai kedudukan dua hala dan pada masa sama, menekankan keperluan ASEAN untuk kekal sebagai blok yang padu dan berkesan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Sidang Meja Bulat Asia Pasifik (APR) Ke-38 anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, tarif unilateral yang dikenakan AS menjadi cabaran kepada Malaysia dan ASEAN kerana rantau ini terikat dalam rangkaian bekalan global.

Katanya, perdagangan antarabangsa perlu dikawal selia oleh

peraturan yang telus dan jaminan undang-undang, bukan oleh tindakan unilateral atau langkah ekonomi yang bersifat paksaan.

“Gangguan dalam perdagangan dan rangkaian bekalan hanya akan memberi kesan buruk kepada perniagaan dan menghalang pertumbuhan ekonomi serta menjejaskan usaha untuk memastikan kesejahteraan sosioekonomi rakyat,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia komited untuk terus berinteraksi secara konstruktif de-

ngan AS, China, Kesatuan Eropah (EU), India dan pihak lain dalam memperjuangkan kepentingan nasional negara.

“Jangan ada sebarang keraguan bahawa strategi Malaysia untuk tidak berpihak secara aktif adalah satu rangka kerja yang berniat dan berprinsip, bertujuan memaksimumkan fleksibiliti strategik, mengekalkan autonomi dalam membuat keputusan dan berinteraksi dengan semua rakan kongsi mengikut acuan kita sendiri,” katanya.